



SMK SIJANGKANG JAYA
42500 TELOK PANGLIMA GARANG ,
KUALA LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN.

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2016
TINGKATAN LIMA
BAHASA MELAYU
Kertas 2
Ogos
PERATURAN PEMARKAHAN

1103/2

UNTUK KEGUNAAN GURU SAHAJA

AMARAN :

Peraturan pemarkahan ini adalah hakcipta Panitia Bahasa Melayu, SMK Sijangkang Jaya. Peraturan pemarkahan ini hanya untuk panduan guru sahaja. Guru boleh membuat penyesuaian dan penambahbaikan mengikut pertimbangan dan kesesuaian.

Skema Pemarkahan ini mengandungi 9 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2016.

SKEMA JAWAPAN BM2

SOALAN 1

Markah penuh **30** dibahagi kepada:

Isi - **20** markah

Bahasa - **10** markah

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
 - nama khas
 - perkataan berulang
 - penggunaan kata sendi *di* dan *ke*
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/Kesimpulan											2
Jumlah Markah											20

Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18-20 15-17	9-10 7-9	- Kesenambungan isi baik - Struktur ayat/ tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda baca/ ejaan betul
Sederhana	12-14 8-11	6-7 4-6	- Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat/ tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda baca/ ejaan juga memuaskan
Lemah	1-7	1-4	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan

Nota

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa **maksimum : 10 markah**]

Soalan 1

Pendahuluan

Soalan 1 : Rumusan [30 markah]

Pendahuluan

P1 Rumusan ini membincangkan keburukan / akibat buruk / impak buruk/implikasi negatif penggunaan internet dan langkah-langkah untuk membendung penyalahgunaannya. [2M]

P2 Petikan membincangkan keburukan / akibat buruk / impak buruk/implikasi penggunaan internet dalam kalangan masyarakat di negara kita / Malaysia. [2M]

P3 Petikan membincangkan keburukan/ akibat buruk / impak buruk penggunaan internet. [1m]

P4 Petikan membincangkan keburukan / akibat buruk / impak buruk penggunaan internet dan langkah-langkah untuk membendung penyalahgunaannya [1M]

P5 Petikan/ Rumusan membincangkan masalah-masalah penggunaan internet. [0M]

P6 Petikan membincangkan masalah-masalah penggunaan internet dan langkah-langkah untuk membendung penyalahgunaannya. [0M]

Isi Tersurat (kesan negatif Internet) – [4m hingga 12m]

- S1 Internet menyebarkan imperialisme yang meruntuhkan nilai budaya / moral [2m]
- S2 Internet dijadikan wahana menyebarkan bahan tidak bermoral dan secara talian terus [2m]
- S3 Internet menyebarkan pelbagai judul buku yang diharamkan di sesetengah negara. [2M]
- S4 Internet menyebabkan berlakunya pelanggaran hak cipta penerbitan. [2M]
- S5 Internet menyebarkan iklan yang mungkin tidak diterima oleh media lain. [2M]
- S6. Internet digunakan untuk menyebarkan fitnah dan khabar angin terhadap kerajaan / organisasi tertentu). [2M]
- S7 Internet menimbulkan masalah perundangan terbesar dalam undang-undang harta intelek dan kebebasan hak asasi . [2M]
- S8. Jenayah ekonomi dan penipuan dalam transaksi talian terus turut berlaku. [2M]
- S9. Internet menjadikan sempadan geografi semakin tidak jelas. [2M]
- S10. Internet sering mencabar amalan budaya dan moral. [2M]

Isi Tersirat (langkah membendung penyalahgunaan Internet)- [4m hingga 12m]

- T1 Ibu bapa memberi pendidikan / membimbing anak melayari Internet secara sihat. [2M]
- T2 Ibu bapa memantau laman yang dilayari oleh anak-anak / menapis laman yang dilayari oleh anak-anak. [2M]
- T3 Kerajaan menggubal akta / undang-undang mengharamkan penyebaran karya cetak rompak dalam Internet / memperketat undang-undang jenayah siber. [2M]
- T4 Kerajaan menyekat akses ke laman web yang negatif. [2M]

Jika tidak dinyatakan pihak yang melaksanakan langkah, [1m sahaja]

Contoh : Undang-undang jenayah siber diperketat. [1 M]

Kesimpulan

K1 Kesimpulannya, penggunaan internet perlu dikawal agar penyebaran bahan yang menyalahi norma masyarakat dapat dielakkan.

[2M]

K2 Konklusinya, semua pihak perlu mengawal penyalhgunaan internet agar dapat melahirkan masyarakat minda kelas pertama.

[2M]

Kesimpulannya, semua pihak perlu membendung kesan negatif penggunaan internet

[1M]

Soalan 2: Pemahaman (35 markah)

Soalan 2(a) : Petikan Umum (9 markah)

(i) Maksud rangkai kata sering dijadikan wahana **(1 isi = 2markah)**

P1 selalu digunakan sebagai saluran

[2M]

(ii) **Kebaikan Internet** [3 isi = 3 markah]

P1 memberikan maklumat tanpa sekatan

P2 memperoleh dan menyebarkan maklumat dengan bebasnya

P3 menjelaskan konsep demokrasi maklumat

P4 mengubah cara manusia berkomunikasi

P5 sesiapa sahaja dapat menerbitkan bahan dengan kos yang sangat murah

P6 berupaya menyebarkan imej digital

(iii) **Ciri-ciri laman web mata pelajaran yang menarik.** (3 isi = 4 markah)

P1-penerangan yang mudah difahami

P2-ilustrasi yang menarik / berwarna-warni/ cantik

P3-ada ruangan soal jawab/kuiz

P4-banyak bahan latihan /nota/ccontoh

P5-percuma untuk dilayari /dimuat turun

P6-ada pautan dengan laman web lain yang berkaitan

P7-kandungan yang sentiasa dikemas kini

Soalan 2(b) Prosa Moden (9 markah)

(i) Azmir kelihatan ketakutan dan meronta-ronta kerana

- dia tidak mahu pulang 1
- Dia rasa bahagia berehat di sini. 1
- Dia takut dikurung di tempat yang tiada kesejahteraan 1

[maksimum : 2 markah]

(ii) Tindakan-tindakan menangani kemurungan di sekolah (isi cukup – 2 tindakan)

- Peranan semua guru khususnya guru kaunseling untuk mengenal pasti murid-murid yang murung dengan memberikan rawatan awal.
- Mengelakkan kes buli dalam kalangan murid
- Menguatkuasakan undang-undang dan peraturan sekolah yang melibatkan kes kemurungan
- Memastikan kantin sekolah membekalkan makanan berkhasiat

- Menyarankan ibu bapa membekalkan anak-anak dengan makanan berkhasiat
- Menggalakkan murid-murid terlibat dengan kegiatan kokurikulum/ Perkhemahan/ aktiviti koakademik/ bersukan

[maksimum : 3 markah]

(iii) Satu persoalan dalam petikan

i. Kesakitan boleh membawa penderitaan
Azmir yang menanggung kesakitan kerana menghidap barah otak.
1+1

ii. Dunia ini ibarat pentas lakonan
Dalam kehidupan di dunia ini, manusia ialah pelakornya yang
mampu membawa pelbagai watak dalam kehidupan.
1+1

[maksimum : 2 markah]

Satu persoalan daripada keseluruhan cerpen

i. Keprihatinan perlu ada dalam diri setiap manusia.
Tindakan para pelakon yang mengunjungi rumah Azmir untuk mengetahui
latar belakang hidup Azmir 1+1

ii. Setiap orang perlu mempunyai sikap bantu-membantu .
Para pelakon yang membantu mengurangkan kesakitan dengan
memicit-micit kepalanya 1+1

[maksimum : 2 markah]

(*jawapan lain yang sesuai boleh diterima)

Soalan 2(c) Petikan Prosa Tradisional (8 markah)

(i) Maksud *terlalu gemuruh bahannya* ialah bunyi sangat bising serta tidak keruan, riuh rendah

[2 m]

(ii) Tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Laksamana sebagai persediaan untuk berhadapan dengan Kertala Sari:

[2 isi = 3 m]

P1 memakai pakaian penjurit

P2 berjalan masuk ke dalam kota

P3 tidur di tengah pasar

(iii) Seseorang itu sanggup menggadaikan nyawanya untuk kebahagiaan orang lain:

[2 isi = 3 m]

P1 membuktikan kesetiannya / kasih sayangnya / perasaan cinta yang tidak berbelah bahagi

P2 membuktikan kekuatannya menewaskan sesiapa sahaja tanpa perasaan gentar

P3 membuktikan pengorbanan yang sanggup dilakukan

Soalan 2(d) Petikan Puisi (9 markah)

- (i) Maksud baris sebelum saat aku dinisankan ialah sewaktu pengarang belum meninggal dunia / ketika pengarang masih hidup
- (ii) Pengajaran yang dapat diperoleh daripada sajak di atas:

[2 isi + 2 huraian = 4 m]

2(d)i	Pengajaran daripada sajak	
Cadangan Jawapan	P1 Kita hendaklah bertaubat atas kesalahan yang telah dilakukan – Penyajak berasa insaf dan bertaubat atas kesalahan yang pernah dilakukan P2 Kita hendaklah taat akan perintah Allah SWT – penyajak taat akan perintah Allah P3 Kita hendaklah berdoa yang baik-baik untuk diri – penyajak bersikap rasional dengan memohon doa yang terbaik untuk dirinya P4 Kita hendaklah bertanggungjawab terhadap pencipta kita – Penyajak bertanggungjawab menunaikan perintah Allah SWT	
Rubrik Penskoran	Deskripsi	Skor
	2 nilai + 2 huraian	4
	2 nilai + 1 huraian	3
	2 nilai + 0 huraian	2
	1 nilai + 1 huraian	2
	1 nilai + 0 huraian	1
	0 nilai + 0 huraian	0

- (iii) Taubat wajar dilakukan dalam kadar segera:

Cadangan Jawapan	P1 Menimbulkan keinsafan dan rasa syukur Alasan: Bersyukur kerana Allah SWT menimbulkan rasa insaf dan memberikan peluang untuk bertaubat P2 Tidak mengulangnya lagi Alasan: Jika lambat bertaubat bimbang akan mengulangi kesalahan yang telah dilakukan sebelum itu P3 Masyarakat menaruh kepercayaan semula kepada kita Alasan: Setelah bertaubat kehidupan bermasyarakat akan kembali seperti biasa.	
Rubrik Penskoran	Deskripsi	Skor
	Respons menepati tugas Idea relevan dan dihuraikan dengan jelas (2 isi + 2 huraian) Pengolahan menarik dan berkesan Bahasa gramatis Kosa kata luas dan tepat	Baik [5 markah]
	Respons menepati tugas	Sederhana

	Idea relevan Pengolahan masih menarik Bahasa masih gramatis Kosa kata tepat	[3-4 markah]
	Respons masih menepati tugas Idea masih relevan Pengolahan kurang / tidak menarik Bahasa kurang gramatis Kosa kata kurang / tidak tepat	Lemah [1 -2 markah]

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa
Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

Perhatian bagi soalan 3(a)

Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.

Tolak ½ markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.

Frasa yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.

Frasa digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.

Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah.

Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat.

Jika semua frasa digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.

Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.

Isi tidak jelas, tolak ½ markah.

Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan 0 markah

3 a) Membina ayat (6 markah)

(i) dingin – 1. Tidak panas (hangat), sejuk: *hari masih pagi, cuaca belum begitu terang dan hawa dingin sekali*. 2. Kiasan tidak meriah (sambutan keramaian dsb): *Sambutan perayaan Hari kebangsaan pada ahun ini agak dingin jika dibandingkan dengan tahun yang sudah-sudah*; 3. Kiasan tidak mengambil berat (bukan layanan), tidak mesra (bukan perhubungan dsb), sepi: *sejak akhir-akhir ini, Jamaluddin bersikap dingin terhadapnya; hubungan dingin* – hubungan (antara orang, negara, dll) yang tidak erat dan mesra; 4 kiasan basi (bukan berita, cerita, dsb), kasip; 5. Menghilang (bukan kemarahan), reda; *perang dingin* perselisihan dengan tidak menggunakan kekerasan senjata; *dingin hati* tidak riang (berminat, bersemangat, dll); *dingin kepala* berfikiran tenang dan waras; *dingin dingin panas* sekejap dingin sekejap panas; *dingin panas* selalu berhasil membuat pekerjaan (spt bertanam, mengubat, dll); *nasi tak dingin pinggan tak retak* peribahasa perihal cermatnya melakukan sesuatu;

(ii) diam 1 -1. Tidak bercakap (bersuara dll), senyap *Badri diam sahaja kerana tidak tahu apa yang hendak dicakapkan; terbuang dalam diam* – disingkirkan dengan senyap-senyap; 2. tidak bergerak-gerak atau berbuat apa-apa; *sedangkan benda yang diam lagi engkau baling tidak kena, inikan pula benda yang bergerak; diam tak diam-* dengan senyap-senyap; tidak diheboh-hebohkan; *diam macam batang kayu* kiasan tidak bergerak-gerak; *diam membatu* kiasan tidak bercakap-cakap (membisu)

diam11- tinggal (duduk, berumah, bertempat) di; saya ini hanya budak miskin, diam di hulu negeri; *diam berdagang* (tinggal (hidup) merantau; *diam di bandar tak meniru, diam di laut asin tidak* peribahasa hal orang yang tidak mahu belajar supaya maju walaupun tinggal di tempat yang ramai.

(iii) haus 1 – 1.berasa kering tekak (ingin minum), dahaga; *ia meminta air sebab tersangat haus*; 2 = *haus akan (kpd)* sangat ingin akan (kpd); *saya haus akan pengetahuan*; *anak kecil yang masih haus kepada kemanjaan dan kemesraan ibu bapanya*; haus dahaga a) terlalu dahaga b) terlalu ingin akan ; *orang haus diberi air, orang lapar diberi nasi* peribahasa mendapat apa yang diinginkan.

haus 11 – berkurangan besarnya atau tebalnya kerana tergosok (banyak dipakai dll); *batu itu telah haus dimakan air*;

3(b) Menukarkan ayat bersusunan biasa kepada ayat susunan songsang (6 markah)

- (i) *Mandi di sungai budak-budak itu.*
 - (ii) *Sedang sakit tenat di hospital adik Nurina.*
 - (iii) *Sungguh cantik cincin yang bertatahkan berlian itu.*
 - (iv) *Berkejar-kejaran di taman permainan kanak-kanak itu.*
 - (v) *Pada awal pagi keadaan suhu di atas Bukit Melawati sungguh dingin.*
 - (vi) *Sejak sepuluh tahun yang lalu rumah besar di atas bukit itu tidak berpenghuni.*
- [6 markah]

3(c) Kesalahan ejaan dan imbuhan (6 markah)

- (i) menghadiahkan - menghadiahi
meraiekan - meraikan
- (ii) Pengtinan - Pengetinan
nenas - nanas
- (iii) losyen - losen
melembab - pelembab

(6 markah)

3(d) Kesalahan kata atau istilah dan tatabahasa (6 markah)

- i) saling bantu membantu - saling membantu
gersang - lapang
- ii) Senarai peserta-peserta - Senarai peserta
pada - kepada
- iii) berusaha rajin - rajin berusaha
adalah - ialah

(6 markah)

3(e) Peribahasa (6 markah)

- i) Sambil menyelam minum air / serampang dua mata
- ii) Bagai isi dengan kuku / ke bukit sama di daki, ke lurah sama dituruni
- iii) Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul / mencari jalan

(6markah)

Soalan 4: Novel (15 markah)

- (a) Sesebuah novel banyak memaparkan pelbagai peristiwa. Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, jelaskan **dua peristiwa yang boleh dijadikan teladan** yang terdapat dalam novel tersebut dan **beri alasan anda**.

4(a)	Dua peristiwa yang boleh dijadikan teladan dan alasan (7 markah)	
Cadangan Jawapan	<p><u>Novel : Leftenan Adnan Wira Bangsa</u></p> <p>1. Peristiwa Leftenan Adnan bersungguh-sungguh mempertahankan Bukit Candu daripada ditawan oleh tentera Jepun. Walaupun kakinya telah tercedera akibat ditembak oleh tentera Jepun, Leftenan Adnan tidak menyerah kalah sehingga titisan darah yang terakhir. <i>Alasan: Peristiwa ini boleh dijadikan teladan kerana daripada peristiwa itu telah menimbulkan semangat patriotik dalam diri saya untuk terus menjaga kedaulatan dan keamanan negara daripada diceroboh oleh musuh negara.</i></p> <p>2. Peristiwa Pak Saidi menghantar Adnan ke sekolah Inggeris walaupun mendapat tentangan daripada penduduk kampung. <i>Alasan: Peristiwa ini boleh dijadikan teladan kerana kita hendaklah menuntut ilmu demi masa depan walaupun terpaksa menghadapi pelbagai cabaran.</i></p> <p>Atau</p> <p><u>Novel: Tirani</u></p> <p>1. Peristiwa Waheeda yang mengalami masalah kemurungan akibat kegagalan rumah tangga telah mula bangkit dan berusaha melupakan kenangan lalu dengan memajukan Chalet Aya-Sajinah. <i>Alasan: Peristiwa ini boleh dijadikan teladan kerana walaupun kita gagal namun kita tidak boleh terlalu mengikut perasaan sedih itu sebaliknya berusaha untuk kehidupan yang mempunyai masa depan.</i></p> <p>2. peristiwa Waheeda gigih mendapatkan pinjaman daripada tabung usahawan siswazah daripada Bank Pembangunan untuk menubuhkan Syarikat Tajau Emas. <i>Alasan: Peristiwa ini memberi teladan kepada kita agar gigih berusaha untuk mendapatkan sesuatu yang kita inginkan dan akhirnya kita akan berjaya.</i></p>	
Rubrik Penskoran	Deskripsi	Skor
	2 Peristiwa + 2 Alasan + bahasa gramatis	7
	2 Peristiwa + 2 Alasan + bahasa tidak gramatis	6
	2 Peristiwa + Tiada Alasan + bahasa gramatis	5
	2 Peristiwa + 1 Alasan + bahasa gramatis	4
	1 Peristiwa + 1 Alasan + Bahasa tidak gramatis	3
	1 Peristiwa + 0 Alasan + bahasa tidak gramatis	2
	0 Peristiwa + 0 Alasan + bahasa gramatis	1

(b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan dua perwatakan watak utama yang terdapat dalam setiap novel.

[8M]

4(b)	Dua buah novel: satu perwatakan watak utama untuk dicontohi pembaca	
Cadangan Jawapan	<p>Novel : Leftenan Adnan Wira Bangsa</p> <p>1. Bersemangat Patriotik. <i>Contohnya, Leftenan Adnan sanggup berjuang bermati-matian sehingga titisan darah yang terakhir mempertahankan bumi tercinta ini daripada jatuh ke tangan tentera Jepun</i></p> <p>2. Rajin. <i>Contohnya, Adnan rajin mengulang kaji pelajaran sehingga mendapat keputusan yang baik.</i></p> <p>Novel: Tirani</p> <p>1. Penyabar atau tabah. <i>Contohnya, Waheeda sabar dengan ejekan rakan-rakannya yang sering mengejek hidungnya yang pesek dan Waheeda juga sabar menghadapi tuduhan suaminya yang selalu menyindirnya.</i></p> <p>2. Positif. <i>Contohnya, Waheeda yakin industri pelancongan yang diceburinya akan membawa keuntungan yang besar jika ada insentif dan sokongan kerajaan.</i></p>	
Rubrik Penskoran	Deskripsi	Skor
	4 Perwatakan + 4 contoh	8
	4 perwatakan + 3 contoh	7
	3 Perwatakan + 3 contoh	6
	3 Perwatakan + 2 contoh	5
	2 Perwatakan + 2 contoh	4
	2 Perwatakan + 1 contoh	3
	1 perwatakan + 1 contoh	2
1 perwatakan + 0 contoh	1	

=